

RISALAH MAKLUMAT UNTUK PESAKIT

KUMUR MULUT CHLORHEXIDINE



SINGHEALTH / PIL / M87R0



MENGENAI ubat anda

Chlorhexidine mempunyai kesan antibakteria. Ubat ini boleh membantu mencegah penghasilan plak gigi. Ubat ini membantu dalam rawatan dan pencegahan inflammasi gusi, ulser mulut dan jangkitan ringan oral kaviti. Jika digunakan dengan kerap, ubat ini dapat mengekalkan kesihatan oral, memastikan pernafasan yang segar serta tidak berbau.

BAGAIMANA untuk saya mengambil ubat?

Doktor anda akan memberitahu anda berapa banyak dan berapa kerap anda patut menggunakan ubat ini. Ubat ini patut digunakan selepas anda telah basuh dan “floss” gigi anda.

- Sukat 10-15 mililiter.
- Kumur larutan dalam mulut anda sekurang-kurangnya selama 30saat.
- Jangan menelan chlorhexidine, ludahkan larutan keluar selepas anda sudah ber kumur mulut.
- Ubat ini biasanya digunakan 2 kali sehari.
- Jangan campurkan ubat dengan air atau bendalir lain.

Selepas anda menggunakan ubat ini, tunggu beberapa jam (kira-kira 2-3 jam) sebelum makan dan minum.

Apa yang patut saya buat jika saya TERLUPA satu dos?

Jika anda terlupa satu dos, gunakan ubat sebaik sahaja anda ingat kecuali sudah menghampiri dos berikut anda. Kalau sudah menghampiri dos yang berikutnya, biarkan dos yang terlupa dan menggunakan ubat pada waktu yang biasa. Anda tidak patut menggunakan dua dos pada waktu yang sama.

Apakah KESAN-KESAN SAMPINGAN yang mungkin untuk ubat ini?

- Kedepihan pada mulut dan lidah (kalau ini berlaku, cairkannya dengan jumlah air yang sama sebelum berkumur)
- Rasa busuk pada mulut anda.
- Pewarnaan lidah, gigi, pengisi gigi dan gigi palsu (boleh dicegah dengan pencucian gigi tiap-tiap hari)
- Kekurangan perasaan pada lidah untuk beberapa jam.

Apakah LANGKAH BERJAGA-JAGA yang patut saya ambil?

- Pastikan anda memberitahu doktor anda jika anda sedang hamil atau menyusui anak.
- Anda tidak patut menggunakan ubat ini lebih lama daripada yang diarahkan oleh doktor anda.
- Ubat ini mungkin menwarnakan gigi anda dengan warna kuning keperangan. Ini adalah biasa dan warna boleh hilang dengan pencucian mulut.
- Jangan menelan ubat.
- Jangan menggunakan ubat ini sekiranya anda mempunyai alahan terhadap cholorhexidine.

Bagaimana patut saya MENYIMPAN ubat?

Simpan jauh daripada haba dan cahaya matahari langsung.

